

# WILAYAH **KU**

**BIL 52** 3 - 9 JANUARI 2020

**PERCUMA** PP19441/12/2018 (035014)

 akhbar wilayahku  WK TV  akhbar wilayahku  @akhbar wilayahku

**mediawargakota**

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI & BUDAYA MALAYSIA

## Selamat Datang ke Malaysia

#VisitMalaysia2020 #VM2020



### SELAMAT DATANG 2020...

Orang ramai yang membanjiri Dataran Merdeka, Kuala Lumpur menyambut Tahun Baru 2020 dengan penuh ceria baru-baru ini.

Sambutan itu dimeriahkan lagi dengan persembahan *Light Show in The Sky* sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Persembahan berwarna-warni itu turut diserikan dengan percikan bunga api yang menerangi dada langit Kuala Lumpur.

# Rakyat nikmati manfaat

KWP bentang laporan kejayaan laksana enam teras Inisiatif Wilayah Peduli: Harapan Dipenuhi 2019

**M**ENTERI Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad (**gambar kecil**) membentangkan laporan kementerianya dengan menggariskan sekurang-kurangnya 25 inisiatif yang berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

Dengan memperkenalkan enam teras Inisiatif Wilayah Peduli: Harapan Dipenuhi, ia memberi impak kejayaan besar kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan tujuh agensi di bawahnya.

Perkara tersebut melibatkan

usaha mewujudkan Wilayah Persekutuan yang bersih, selamat, mempunyai sistem pengangkutan awam efisien, sosio ekonomi mapan, persekitaran hijau dan komuniti inklusif.



**BERITA PENUH DI MUKA 2**

## Terapkan nilai-nilai negara maju dalam diri

**PUTRAJAYA** – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, seluruh rakyat disarankan mengambil peluang untuk bersama-sama kerajaan bagi memajukan diri mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran baharu pada masa hadapan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus membantu rakyat untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran baharu berkenaan menerusi program yang telah disediakan dan akan diperkenalkan.

“Kita telah lihat bagaimana kemajuan teknologi digital telah mengubah cara perniagaan dan perkhidmatan.

“Mereka yang memahami perubahan ini telah mencari peluang untuk kerja dan pendapatan. Yang tidak berubah telah kehilangan punca



**DR. MAHATHIR, Dr. Wan Azizah (dua dari kanan), Mohamaddin (kiri) dan Khalid (kanan) pada majlis Ambang 2020 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini. Gambar - DJOHAN SHAHRIN SHAH**

kehidupan,” kata beliau dalam perutusan sempena Tahun Baru 2020.

Dr. Mahathir berkata,

meskipun negara tidak dapat mencapai sasaran negara maju sepenuhnya tetapi ada beberapa perisian negara

maju yang boleh dilakukan.

“Nilai-nilai seperti rajin, berdisiplin, menjaga kebersihan, bersifat tolak-ansur, hormat menghormati, berbudi bahasa dan berjiwa besar adalah ciri-ciri yang membeza kita dari mereka yang tidak maju dan mundur.

“Sifat-sifat mulia ini mewakili kesemua budaya, agama dan bangsa dan kepelbagaian Malaysia seharusnya membuat kita lebih peka kepada nilai-nilai tersebut,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, tahun 2020 agak signifikan dalam hatinya kerana semasa menerajui pentadbiran negara pada kali pertama, kerajaan menerusi Wawasan 2020 ketika itu telah menasaskan tahun ini sebagai tahun bagi negara mencapai taraf negara maju.

“Namun begitu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita sedar bahawa sasaran itu tidak dapat kita capai sepenuhnya dan kerana itu kita telah menyediakan blueprint yang baharu yang kita kenali sebagai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030,” katanya.

Dalam pada itu, di **Dataran Merdeka, Kuala Lumpur**, Dr. Mahathir bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi dan Menteri Wilayah, Khalid Abd. Samad melancarkan Ambang 2020 dan Tahun Melawat Malaysia 2020 sebelum menyaksikan persembahan bunga api dan *Light Show In The Sky* melibatkan 300 buah dron.

KWP berjaya laksana enam teras Inisiatif Wilayah Peduli: Harapan Dipenuhi

## Tingkat kualiti hidup rakyat

Oleh **NAZWIN NAZRI**  
winwilayahku@gmail.com  
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

**PUTRAJAYA** – Pelaksanaan enam teras inisiatif Wilayah Peduli: Harapan Dipenuhi sepanjang tahun ini memberi impak kejayaan besar kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan tujuh agensi di bawahnya.

Menterinya, Khalid Abd. Samad berkata, dasar itu juga berjaya meningkatkan ketelusan serta kebertanggungjawaban dalam pentadbiran kerajaan sekali gus mewujudkan komuniti yang inklusif sejajar dengan harapan rakyat.


“Seperti program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Projek Perumahan Rakyat (PPR) anak angkat pemaju, ia dapat meningkatkan mutu kehidupan penduduk PPR.

“Masalah dulu, pemaju banyak beri sumbangan tetapi sumbangan itu tidak tahu pergi mana. Kita mahu sumbangan-sumbangan yang diberikan jangan beri kepada menteri, pegawai atau kakitangan sebaliknya dalam bentuk CSR.

“Pemaju terlibat akan menjalankan program dan kerja-kerja penyelenggaraan, pengindahan dan segalanya di kawasan PPR angkat, mereka juga boleh berinteraksi dengan penduduk supaya dapat ubah suasana kualiti kehidupan di situ seterusnya mengeluarkan kelompok tersebut daripada belunggu kemiskinan,” katanya dalam sidang akhbar mengenai pencapaian KWP dan agensinya sepanjang 2019 baru-baru ini.

Menurut Khalid, pendemokrasian dalam pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga merupakan pencapaian utama kementerianya kerana berjaya memaksimumkan penglibatan Ahli Parlimen dalam proses membuat keputusan serta dasar melalui pembentukan Majlis Menteri dan Ahli Parlimen sebagai anggota jawatankuasa kecil pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Selain itu ujar beliau, pengambilalihan perkhidmatan bas percuma Go KL daripada Kementerian Pengangkutan dan menambah tiga laluan baharu dari kawasan PPR ke bandar antara



**KHALID (kiri) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah, Datuk Rosida Jaafar menunjukkan Buku Laporan Kejayaan KWP pada tahun 2019 dalam sidang akhbar khas di Putrajaya baru-baru ini.**

pencapaian yang dibanggakan berikutan objektif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas turut berjaya dilaksanakan.

“Kajian berhubung lalu lintas dan kaedah penyelesaiannya dilancarkan pada pertengahan 2019 dan dilakukan serentak dengan kajian draf Pembangunan Bandaraya 2040. Kita minta pihak perunding mengkaji Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2021-2040 yang bukan seka-

dar pembangunan, perumahan, kawasan industri dan perniagaan malah meliputi masalah kesesakan lalu lintas.

“Bagi program pembangunan binaan rumah, insentif diberikan untuk bina rumah mampu milik. Banyak pemaju datang hendak bina rumah, kita kata boleh walaupun tanah persendirian. Kita beri insentif dengan sebahagian harga rumah adalah bebas manakala sebahagian lagi rumah mampu milik.

“Kita kawal dari segi itu, ada kira-kira 300 rumah milik DBKL disewa pada kadar bawah harga pasaran malah DBKL turut membantu dalam penyelenggaraan PPR swasta bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB),” jelasnya.

Dalam pada itu, ditanya sama ada pencapaian kementerianya diperoleh terus kepada warga kota, Khalid menyatakan, perkara penting adalah pembangunan dilaksanakan secara terancang.

Jelas beliau, sekiranya ia dilaksanakan dengan baik maka warga kota akan mendapat manfaat seperti isu kesesakan lalu lintas, kualiti kehidupan, kehijauan, komuniti inklusif dan sebagainya.

“Kita mahu tentukan warga Kuala Lumpur dapat manfaat secara terus bukan dalam bentuk wang tunai sebaliknya dari sudut kualiti kehidupan. Bila kita rancang bandar pintar, Perbadanan Putrajaya berjaya melaksanakannya.

“Semuanya berhubung dengan kualiti kehidupan di ibu kota, Putrajaya dan Labuan,” kata beliau.

## Naufa mahu stabilkan ekonomi

Oleh **AINI MAWAWI**  
ainiwilayahku@gmail.com

**BAK** kata peribahasa Melayu, pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Dek kerana itu, sempena tahun 2020, negara berhasrat melahirkan generasi muda yang berdaya saing dan bijak mencorak masa hadapan.

Bersetuju dengan hal tersebut, gadis yang dikenali sebagai Nor Fatimah Taib, 24, atau mesra dengan panggilan Naufa ini turut memiliki cita-cita besar dalam mengharungi cabaran mendatang.

Menurut anak keenam daripada lapan orang adik beradik, sempena tahun baharu ini, dia berazam untuk menstabilkan ekonomi diri bagi membantu

keluarga besarnya.

"Saya berasal dari keluarga sederhana dan sudah tentu saya ingin menyenangkan hidup mereka dengan menyediakan tempat tinggal yang lebih selesa.



"Itu merupakan azam saya untuk tahun ini yang ingin dicapai. Tidak dinafikan, ia bukanlah perkara yang mudah namun

saya percaya tiada yang mustahil seandainya kita rajin dan komited bekerja ke arah itu," ujarnya.

Memilih untuk berjinak-jinak dalam bidang nyanyian, pemenang tempat kedua Pertandingan Nyanyian Solo Jalan-jalan Sepahtu Sinar Johor tahun 2016, Naufa mengakui dia tidak gentar untuk mencuba nasib biarpun sedar banyak saingan di luar sana.

Baru sahaja muncul dengan

single pertama berjudul *Tiada Untukmu*, dia berharap lagu tersebut yang sudah berada di YouTube dan kesemua platform digital muzik seperti Joox, Spotify, iTunes, KKBox itu dapat diterima oleh segenap lapisan masyarakat.

"Saya mula meminati bidang nyanyian sejak kecil lagi dan banyak menyertai pertandingan-pertandingan nyanyian dan kini saya serius untuk mencuba nasib dalam industri muzik," ujarnya.

Selain bidang nyanyian, Naufa juga berhasrat untuk mengorak langkah dalam bidang perniagaan kerana ingin membina empayar sendiri suatu hari nanti.

"Jika diberi peluang, saya lebih suka berniaga sendiri daripada makan gaji kerana bebas untuk menentukan keputusan sendiri tanpa dibelenggu orang lain," ujarnya yang pernah berlakon dalam *Cerita Hantu Malam Raya*.




## DBKL bantu mangsa kebakaran Pasar Sentul 15 peniaga dipindah ke tapak sementara

**SENTUL** - Susulan kebakaran yang memusnahkan lapan unit deretan gerai di Pasar Sentul, Jalan Sentul Pasar di sini Selasa lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan tempat berniaga sementara kepada peniaga terlibat di tempat letak kereta belakang Pasar Sentul.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, tempat berniaga sementara untuk 15 peniaga yang terlibat itu akan dibina dalam tempoh lima hari dengan menggunakan konsep pasang siap.

"Kita akan memindahkan kesemua penjaja (kira-kira 150 orang) ke bahagian depan tanah kosong sebelah jalan berdepan pasar sekarang.

"Mereka akan berada di situ dalam tempoh lap-



**NOR HISHAM (kanan) bertemu peniaga yang terlibat dalam kebakaran unit kedai di Pasar Sentul.**

an hingga 12 bulan secara sementara kerana kita dalam proses membina pasar baharu di tapak sekarang," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Dalam pada itu, Nor Hisham memberitahu, pihaknya sedang menunggu laporan forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi membolehkan taksiran keseluruhan kerugian diperolehi.

Jelasnya, tempoh yang diperlukan pihak JBPM adalah selama tiga hari.

Di saat rakyat Malaysia gembira menantikan detik Tahun Baru 2020 pada Selasa lalu, Pasar Sentul dilaporkan terbakar pada pukul 9.25 malam.

Ekoran kebakaran itu, 14 gerai melibatkan kedai makan, plastik, buah yang bersaiz 20x100 kaki persegi musnah dijilat api.



HALUS PERIBUDI; MANIS PERILAKU;  
TANGKAS BERFIKIR  
Inilah falsafah kami

Buah pinang gugur di semak,  
Buah durian gugur berkira;  
Anak tenang didakapi emak,  
Itulah belaian kasih mesra.



Makan kuih berwajah girang,  
Hati menguntum cergas berguling,  
Berlari bersenam sama menjadi;  
Bermain buih memupuk sayang,  
Ukir senyum rohani dibimbing,  
Merangsang otot menguatkan sendi.

Kuih di talam susun sejajar,  
Bingka ubi sedap dinikmati;  
Memberi salam sunah diajar,  
Akhlak Nabi haruslah diikuti.



Emas tempawan cantik bitara,  
Lama tertawan di hati tersemat;  
Dalam limpahan nur sejahtera,  
Anak asuhan dipastikan selamat.

Mari berlari kejar bayang-bayang,  
Pintar berusaha berjajalah jua;  
Apabila mencari kasih dan sayang,  
Seri Manja - Saleha terbuka untuk semua.

Kami menunggu di sini, hubungilah kami:  
Kak Radzi: 012 208 0801  
Mazuin : 012 331 6214  
Farah : 019 697 1353

Seri Manja Saleha  
 Seri Manja Saleha

Carilah kami di alamat:  
10-A, Jalan Pahang P15,  
Nadi 15, Prescint Diplomatik  
62150 Putrajaya,  
Wilayah Persekutuan

Dimiliki oleh  
Ayu Manja Sdn Bhd (167040M)